

D.R. 35/2017

**RANG UNDANG-UNDANG KEMUDAHAN DAN
PERKHIDMATAN JAGAAN KESIHATAN WARGA EMAS
SWASTA 2017**

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Ketidakpakaian

BAHAGIAN II

**KELULUSAN UNTUK MENYEDIAKAN DAN LESEN UNTUK
MENGENDALIKAN KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN
JAGAAN KESIHATAN WARGA EMAS SWASTA**

4. Kelulusan dan lesen
5. Premis bagi kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta berlesen

BAHAGIAN III

KELULUSAN

6. Permohonan kelulusan
7. Penolakan untuk memproses permohonan kelulusan
8. Perkara untuk dipertimbangkan bagi kelulusan
9. Pemberian kelulusan
10. Pemindahan atau penyerahan hak kelulusan

Rang Undang-Undang

BAHAGIAN IV

LESEN

Fasal

11. Permohonan lesen
12. Penolakan untuk memproses permohonan lesen
13. Pemeriksaan premis
14. Pemberian lesen
15. Lesen sementara
16. Pertimbangan semula permohonan lesen
17. Kesahan lesen
18. Pembaharuan lesen
19. Pemindahan atau penyerahan hak lesen

BAHAGIAN V

KEWAJIPAN PEMEGANG LESEN DAN ORANG YANG BERTANGGUNGJAWAB

20. Kewajipan pemegang lesen
21. Pernyataan dasar
22. Pelan dan tatacara mekanisme ketidakpuasan hati
23. Orang yang bertanggungjawab
24. Pertukaran orang yang bertanggungjawab
25. Melaporkan kejadian
26. Kecemasan
27. Pemberitahuan kematian
28. Sekatan penggunaan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta berlesen
29. Larangan terhadap pembesaran atau pengubahan

BAHAGIAN VI

PEMBATALAN

30. Alasan pembatalan
31. Tunjuk sebab
32. Pembatalan kelulusan, dsb.
33. Penyerahan kelulusan, dsb.
34. Pemberhentian pengendalian

BAHAGIAN VII

PENUTUPAN KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN JAGAAN
KESIHATAN WARGA EMAS SWASTA

Fasal

35. Penutupan sukarela
36. Penutupan berikutan pembatalan lesen
37. Penutupan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta tidak berlesen

BAHAGIAN VIII

PENGUATKUASAAN

38. Kuasa penguatkuasaan
39. Kuasa penyiasatan
40. Pemeriksaan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta
41. Pemulaan dan penjalanan pendakwaan

BAHAGIAN IX

AM

42. Selain warga emas boleh diterima masuk
43. Daftar
44. Garis panduan dan arahan
45. Perwakilan kuasa
46. Rayuan
47. Kuasa untuk mengecualikan
48. Kuasa untuk meminda Jadual
49. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan
50. Penalti am
51. Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan, perkongsian atau pertubuhan
52. Pengkompaunan kesalahan
53. Kecualian dan peralihan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pengawalseliaan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta dan bagi perkara berkaitan.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 2017.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“ditetapkan” ertinya ditetapkan oleh Menteri melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;

“Inspektor” ertinya Inspektor yang dilantik di bawah subseksyen 87(1) Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [*Akta 586*];

“kelulusan” ertinya kelulusan yang diberikan di bawah subseksyen 9(1) untuk menyediakan suatu kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta dan “pemegang kelulusan” ertinya pemegang suatu kelulusan yang berhubungan dengan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta itu;

“kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta” ertinya mana-mana premis yang di dalamnya perkhidmatan jagaan kesihatan disediakan untuk warga emas;

“kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta berlesen” ertinya mana-mana kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta yang dilesenkan di bawah Bahagian IV;

“Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Kesihatan, Malaysia;

“lesen” ertinya lesen yang diberikan di bawah Bahagian IV untuk mengendalikan suatu kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta dan “pemegang lesen” ertinya pemegang suatu lesen yang berhubungan dengan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta itu;

“lesen sementara” ertinya lesen sementara yang diberikan di bawah Bahagian IV dan “pemegang lesen sementara” ertinya pemegang suatu lesen sementara;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kesihatan;

“orang yang bertanggungjawab” ertinya orang yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab di bawah subseksyen 23(2);

“orang yang menerima jagaan” ertinya mana-mana orang yang menerima perkhidmatan jagaan kesihatan di suatu kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta berlesen;

“pemberi jagaan” ertinya mana-mana orang, selain seorang profesional jagaan kesihatan, yang menguruskan jagaan peribadi mana-mana orang yang menerima jagaan;

“perkhidmatan jagaan kesihatan” ertinya mana-mana perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama;

“pertubuhan” ertinya mana-mana pertubuhan yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 [*Akta 335*] atau Akta Koperasi 1993 [*Akta 502*];

“pertubuhan perbadanan” ertinya mana-mana badan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] atau badan berkanun yang diperbadankan dan ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis;

“profesional jagaan kesihatan” ertinya mana-mana orang yang dinyatakan dalam Jadual Kedua;

“saudara” ertinya mana-mana orang yang ada pertalian darah atau perhubungan perkahwinan atau pengangkatan di sisi undang-undang, atau seorang penjaga di sisi undang-undang;

“standard atau kehendak” ertinya standard atau kehendak yang ditentukan oleh Ketua Pengarah di bawah subseksyen 5(3);

“warga emas” ertinya mana-mana orang yang berumur enam puluh tahun atau lebih.

Ketidakkapaian

3. Akta ini tidak terpakai bagi—

- (a) kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta berlesen di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998;
- (b) pusat jagaan berdaftar di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 [*Akta 506*] kecuali pusat jagaan berdaftar di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 yang disifatkan telah dilesenkan di bawah Akta ini menurut seksyen 53; dan
- (c) premis yang di dalamnya seseorang individu menyediakan jagaan kesihatan kepada saudaranya yang ialah seorang warga emas.

BAHAGIAN II

KELULUSAN UNTUK MENYEDIAKAN DAN LESEN UNTUK
MENGENDALIKAN KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN
JAGAAN KESIHATAN WARGA EMAS SWASTA**Kelulusan dan lesen**

4. (1) Seseorang tidak boleh menyediakan suatu kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta bagi empat warga emas atau lebih tanpa kelulusan di bawah subseksyen 9(1) atau mengendalikan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta bagi empat warga emas atau lebih tanpa lesen di bawah Bahagian IV.

(2) Suatu permohonan untuk kelulusan atau lesen boleh dibuat oleh dan diberikan kepada seorang individu, suatu badan berkanun, suatu perkongsian atau suatu pertubuhan.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

(a) dalam hal seorang individu—

- (i) didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit; dan
- (ii) bagi kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan; dan

(b) dalam hal suatu pertubuhan perbadanan, perkongsian atau pertubuhan—

- (i) didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit; dan
- (ii) bagi kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi tiga ribu ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Premis bagi kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta berlesen

5. (1) Seseorang hendaklah menyediakan dan mengendalikan suatu kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta berlesen hanya di premis yang berikut:

- (a) suatu kemudahan berkediaman;
- (b) suatu kemudahan jagaan harian;
- (c) apa-apa premis yang ditetapkan oleh Menteri; dan
- (d) apa-apa premis yang menggabungkan spesifikasi mana-mana dua premis atau lebih dalam perenggan (a) hingga (c).

(2) Suatu “kemudahan jagaan harian” dalam perenggan (1)(b) ertinya suatu kemudahan tanpa tempat kediaman yang di dalamnya kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas disediakan selama suatu tempoh berterusan yang melebihi tiga jam sehari sekurang-kurangnya tiga hari seminggu.

(3) Ketua Pengarah boleh menentukan standard atau kehendak yang berlainan bagi jenis premis yang berlainan yang di dalamnya kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas akan disediakan.

BAHAGIAN III

KELULUSAN

Permohonan kelulusan

6. (1) Suatu permohonan kelulusan untuk menyediakan suatu kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah mengikut cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Suatu permohonan kelulusan hendaklah disertakan dengan fi yang ditetapkan.

Penolakan untuk memproses permohonan kelulusan

7. Ketua Pengarah boleh menolak untuk memproses suatu permohonan kelulusan atau boleh menghendaki supaya permohonan itu dipinda atau dilengkapkan dan dikemukakan semula atau supaya suatu permohonan baharu dikemukakan untuk menggantikannya sekiranya—

- (a) permohonan itu tidak dibuat mengikut cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah; atau
- (b) pemohon tidak menunjukkan bukti bahawa dia layak dan sesuai untuk diberikan kelulusan.

Perkara untuk dipertimbangkan bagi kelulusan

8. Jika Ketua Pengarah memutuskan untuk meneruskan dengan permohonan kelulusan, dalam memutuskan sama ada atau tidak untuk memberikan kelulusan, Ketua Pengarah hendaklah menimbangkan perkara yang berikut:

- (a) jenis premis yang di dalamnya kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas akan disediakan;
- (b) perkhidmatan jagaan kesihatan yang akan disediakan;
- (c) kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta yang telah sedia ada di dalam kawasan yang berhubungan dengan permohonan kelulusan itu dan akses kepadanya;
- (d) keperluan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta pada masa sekarang dan masa hadapan di dalam kawasan yang berhubungan dengan permohonan kelulusan itu; dan
- (e) apa-apa perkara lain yang difikirkan relevan oleh Ketua Pengarah.

Pemberian kelulusan

9. (1) Setelah menimbangkan permohonan kelulusan, Ketua Pengarah boleh memberikan kelulusan untuk menyediakan suatu kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta.

(2) Kelulusan hendaklah dalam bentuk dan mengandungi butir-butir yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(3) Kelulusan adalah tertakluk kepada pembayaran fi yang ditetapkan.

Pemindahan atau penyerahan hak kelulusan

10. (1) Pemegang kelulusan tidak boleh memindahkan atau menyerahkan hak kelulusan melainkan jika kelulusan Ketua Pengarah diperolehi terlebih dahulu.

(2) Permohonan pemindahan atau penyerahan hak suatu kelulusan hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah mengikut cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah dan hendaklah disertakan dengan fi yang ditetapkan.

(3) Mana-mana pemegang kelulusan yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

- (a) jika pemegang kelulusan ialah seorang individu, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit; dan
- (b) jika pemegang kelulusan ialah suatu pertubuhan perbadanan, perkongsian atau pertubuhan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit.

BAHAGIAN IV

LESEN

Permohonan lesen

11. (1) Suatu permohonan lesen untuk mengendalikan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta hendaklah hanya dibuat oleh seorang pemegang kelulusan.

(2) Permohonan lesen hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah mengikut cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah dalam tempoh tiga tahun dari tarikh kelulusan diberikan berkenaan dengan

kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta itu yang berhubungan dengan permohonan lesen itu atau apa-apa tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah.

(3) Permohonan lesen hendaklah disertakan dengan fi yang ditetapkan.

(4) Jika tiada permohonan lesen dibuat dalam tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (2) kelulusan itu hendaklah disifatkan terbatal.

Penolakan untuk memproses permohonan lesen

12. Ketua Pengarah boleh menolak untuk memproses suatu permohonan lesen, atau boleh menghendaki supaya permohonan itu dipinda atau dilengkapkan dan dikemukakan semula atau supaya suatu permohonan baharu dikemukakan untuk menggantikannya sekiranya permohonan itu tidak dibuat mengikut cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

Pemeriksaan premis

13. (1) Jika Ketua Pengarah memutuskan untuk meneruskan dengan permohonan lesen, Ketua Pengarah hendaklah melantik dua orang atau lebih untuk memeriksa premis yang di dalamnya kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta itu akan disediakan untuk memastikan sama ada atau tidak premis itu mematuhi standard atau kehendak.

(2) Orang yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah mengemukakan laporan pemeriksaan itu kepada Ketua Pengarah dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan.

Pemberian lesen

14. (1) Jika Ketua Pengarah berpuas hati dengan laporan pemeriksaan di bawah subseksyen 13(2), Ketua Pengarah boleh memberikan lesen untuk mengendalikan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta di premis itu.

(2) Lesen hendaklah dalam bentuk dan mengandungi butir-butir yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(3) Lesen adalah tertakluk kepada pembayaran fi yang ditetapkan.

Lesen sementara

15. (1) Walau apa pun laporan pemeriksaan premis yang tidak memuaskan, Ketua Pengarah boleh memberikan suatu lesen sementara sekiranya difikirkan oleh Ketua Pengarah bahawa pemohon lesen di bawah seksyen 11 boleh menjalankan kerja-kerja pembetulan untuk mematuhi standard atau kehendak.

(2) Lesen sementara hendaklah dalam bentuk dan mengandungi butir-butir yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(3) Lesen sementara adalah tertakluk kepada pembayaran fi yang ditetapkan.

(4) Kerja-kerja pembetulan di bawah subseksyen (1) hendaklah dijalankan dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh lesen sementara diberikan atau apa-apa tempoh lanjut yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah.

(5) Seseorang pemegang lesen sementara boleh pada bila-bila masa dalam tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (4) memberitahu Ketua Pengarah mengenai pematuhannya dengan standard atau kehendak.

(6) Selepas habis tempoh dalam subseksyen (4) atau setelah diberitahu tentang pematuhan di bawah subseksyen (5), yang mana lebih awal, pemeriksaan premis hendaklah dijalankan untuk membolehkan Ketua Pengarah menimbangkan semula permohonan lesen itu.

(7) Seksyen 13 hendaklah terpakai bagi pemeriksaan premis di bawah seksyen ini.

Pertimbangan semula permohonan lesen

16. (1) Ketua Pengarah boleh menimbangkan semula permohonan lesen berdasarkan laporan pemeriksaan premis dan Ketua Pengarah boleh setelah menimbangkan semula permohonan itu—

- (a) memberikan lesen;
- (b) menolak permohonan itu; atau
- (c) melanjutkan lesen sementara bagi apa-apa tempoh yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah untuk membolehkan standard atau kehendak dipatuhi.

(2) Setelah habis tempoh lanjut lesen sementara dalam perenggan (1)(c), pemeriksaan premis hendaklah dijalankan untuk membolehkan Ketua Pengarah selanjutnya menimbangkan semula permohonan lesen itu.

(3) Jika Ketua Pengarah berpuas hati dengan laporan pemeriksaan premis di bawah subseksyen (2), Ketua Pengarah boleh memberikan lesen.

(4) Lesen hendaklah dalam bentuk dan mengandungi butir-butir yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(5) Lesen adalah tertakluk kepada pembayaran fi yang ditetapkan.

Kesahan lesen

17. Lesen adalah sah bagi tempoh tiga tahun dari tarikh lesen itu dikeluarkan melainkan jika dibatalkan terlebih dahulu.

Pembaharuan lesen

18. (1) Suatu permohonan pembaharuan lesen hendaklah dibuat mengikut cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah dan hendaklah disertakan dengan fi yang ditetapkan.

(2) Ketua Pengarah hendaklah menentukan tempoh lesen apabila diperbaharui.

Pemindahan atau penyerahan hak lesen

19. (1) Pemegang lesen atau pemegang lesen sementara tidak boleh memindahkan atau menyerahkan hak lesen atau lesen sementara, melainkan jika kelulusan Ketua Pengarah diperoleh terlebih dahulu.

(2) Permohonan pemindahan atau penyerahan hak suatu lesen atau lesen sementara hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah mengikut cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah dan hendaklah disertakan dengan fi yang ditetapkan.

(3) Mana-mana pemegang lesen atau pemegang lesen sementara yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

- (a) jika pemegang lesen atau pemegang lesen sementara ialah seorang individu, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit; dan
- (b) jika pemegang lesen atau pemegang lesen sementara ialah suatu pertubuhan perbadanan, perkongsian atau pertubuhan, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit.

BAHAGIAN V

KEWAJIPAN PEMEGANG LESEN DAN ORANG YANG BERTANGGUNGJAWAB

Kewajipan pemegang lesen

20. Pemegang lesen hendaklah—

- (a) memastikan bahawa profesional jagaan kesihatan yang diambil kerja atau diguna khidmat oleh pemegang lesen adalah layak di bawah mana-mana undang-undang yang mengawal selia profesionnya;

- (b) memastikan bahawa pemberi jagaan adalah terlatih dan kompeten;
- (c) memastikan bahawa penilaian orang yang menerima jagaan dijalankan oleh profesional jagaan kesihatan;
- (d) memastikan bahawa perkiraan telah dibuat untuk menjadikan tersedia profesional jagaan kesihatan di kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta;
- (e) mengemukakan laporan tahunan tentang kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta kepada Ketua Pengarah dalam bentuk dan mengikut cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah;
- (f) memastikan bahawa kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta diuruskan oleh seorang orang yang bertanggungjawab; dan
- (g) melaksanakan kewajipan dan tanggungjawab lain yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

Pernyataan dasar

21. (1) Pemegang lesen hendaklah menjadikan tersedia kepada orang yang menerima jagaan suatu pernyataan dasar bagi kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta itu apabila orang yang menerima jagaan diterima masuk.

(2) Pernyataan dasar bagi kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta berlesen hendaklah termasuk perkara yang berikut:

- (a) hak orang yang menerima jagaan;
- (b) kewajipan pemegang lesen; dan
- (c) suatu pelan dan tatacara mekanisme ketidakpuasan hati.

(3) Pemegang lesen hendaklah mempamerkan pernyataan dasar di bahagian yang mudah dilihat di kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta.

Pelan dan tatacara mekanisme ketidakpuasan hati

22. Pemegang lesen hendaklah memastikan yang berikut berhubung dengan pelan dan tatacara mekanisme ketidakpuasan hati bagi kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta itu:

- (a) bahawa orang yang menerima jagaan, saudaranya, mana-mana orang yang bertindak bagi pihak orang yang menerima jagaan, mana-mana orang yang mempunyai hubungan langsung dengan orang yang menerima jagaan, dan mana-mana pekerja pemegang lesen menyedari bahawa pelan dan tatacara mekanisme ketidakpuasan hati itu tersedia ada;
- (b) bahawa pelan dan tatacara mekanisme ketidakpuasan hati itu digunakan untuk menangani apa-apa aduan daripada orang yang menerima jagaan, saudaranya, mana-mana orang yang bertindak bagi pihak orang yang menerima jagaan atau mana-mana orang yang mempunyai hubungan langsung dengan orang yang menerima jagaan; dan
- (c) bahawa pelan dan tatacara mekanisme ketidakpuasan hati itu memperuntukkan kehendak untuk mendokumenkan apa-apa aduan.

Orang yang bertanggungjawab

23. (1) Orang yang bertanggungjawab bagi suatu kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta berlesen hendaklah seorang yang mempunyai kelayakan, telah menjalani latihan dan mempunyai pengalaman, yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

- (2) Orang yang bertanggungjawab hendaklah bertanggungjawab—
 - (a) bagi pengurusan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta berlesen;
 - (b) bagi penyeliaan orang yang diambil kerja atau digunakan khidmat di kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta berlesen itu;

- (c) bagi memastikan bahawa perkhidmatan jagaan kesihatan yang disediakan kepada orang yang menerima jagaan dijalankan oleh profesional jagaan kesihatan; dan
- (d) bagi melaksanakan kewajipan dan tanggungjawab lain yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

Pertukaran orang yang bertanggungjawab

24. Pemegang lesen hendaklah memberitahu Ketua Pengarah mengenai apa-apa pertukaran orang yang bertanggungjawab dalam tempoh empat belas hari dari berlakunya pertukaran itu.

Melaporkan kejadian

25. Pemegang lesen atau orang yang bertanggungjawab hendaklah melaporkan kepada Ketua Pengarah apabila berlaku apa-apa kejadian yang tidak dapat diramalkan atau yang tidak dijangka.

Kecemasan

26. (1) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa orang yang bertanggungjawab mempunyai akses kepada—

- (a) alamat rumah dan alamat tempat kerja dan nombor telefon setiap orang yang dinamakan sebagai orang yang boleh dihubungi semasa kecemasan bagi orang yang menerima jagaan; dan
- (b) apa-apa maklumat perubatan relevan yang berhubungan dengan orang yang menerima jagaan.

(2) Pemegang lesen hendaklah mempamerkan senarai nombor telefon kecemasan termasuklah nombor telefon perkhidmatan bomba dan penyelamat, perkhidmatan ambulans dan pihak polis di bahagian yang mudah dilihat di kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta itu.

(3) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta itu dilengkapi

dengan peti pertolongan kecemasan bagi rawatan kecemasan yang hendaklah disimpan di tempat yang boleh dicapai dan selamat.

(4) Pemegang lesen hendaklah membuat perkiraan bagi latihan untuk pemberi jagaan yang diambil kerja oleh pemegang lesen dalam bantuan hayat asas.

Pemberitahuan kematian

27. (1) Apabila orang yang menerima jagaan meninggal dunia, pemegang lesen atau orang yang bertanggungjawab hendaklah memaklumkan setiap orang yang dinamakan sebagai orang yang boleh dihubungi semasa kecemasan bagi si mati itu.

(2) Pemegang lesen atau orang yang bertanggungjawab hendaklah meletakkan si mati di dalam kawasan yang berasingan daripada orang yang menerima jagaan yang lain.

Sekatan penggunaan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta berlesen

28. (1) Pemegang lesen tidak boleh menggunakan atau menyebabkan atau membenarkan untuk digunakan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta bagi apa-apa maksud selain maksud yang berkenaan dengannya lesen itu diberikan dan maksud yang semunasabahnya bersampingan dengannya.

(2) Pemegang lesen yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

(a) dalam hal pemegang lesen merupakan seorang individu—

(i) didenda tidak melebihi lima ribu ringgit; dan

(ii) bagi kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan; dan

- (b) dalam hal pemegang lesen merupakan suatu pertubuhan perbadanan, perkongsian atau pertubuhan—
- (i) didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit; dan
 - (ii) bagi kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu lima ratus ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Larangan terhadap pembesaran atau perubahan

29. (1) Melainkan jika mendapat kelulusan Ketua Pengarah terlebih dahulu, pemegang lesen tidak boleh membuat apa-apa pembesaran atau perubahan struktur atau fungsian kepada premis kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta berlesen yang menjejaskan—

- (a) maksud yang baginya kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta berlesen itu disediakan atau dikendalikan;
- (b) mana-mana syarat kelulusan atau lesen; atau
- (c) mana-mana standard atau kehendak.

(2) Permohonan bagi apa-apa pembesaran atau perubahan hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah mengikut cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah dan hendaklah disertakan dengan fi yang ditetapkan.

BAHAGIAN VI

PEMBATALAN

Alasan pembatalan

30. Ketua Pengarah boleh membatalkan kelulusan, lesen atau lesen sementara, atau menolak untuk membaharui lesen, sekiranya Ketua Pengarah berpuas hati—

- (a) bahawa kelulusan, lesen atau lesen sementara, atau pembaharuan lesen itu telah diperoleh melalui apa-apa kenyataan palsu atau mengelirukan;

- (b) bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, apa-apa kesalahan yang melibatkan fraud atau kecurangan, atau apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan, sama ada hukuman penjara sahaja atau sebagai tambahan kepada atau sebagai ganti denda, lebih daripada dua tahun, telah dilakukan oleh pemegang kelulusan, pemegang lesen atau pemegang lesen sementara;
- (c) bahawa pemegang kelulusan, pemegang lesen atau orang yang bertanggungjawab tidak mematuhi apa-apa arahan Ketua Pengarah;
- (d) bahawa pemegang lesen atau orang yang bertanggungjawab telah mengendalikan atau menguruskan atau dengan apa-apa cara menggunakan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta dengan cara yang memudaratkan kepentingan orang yang menerima jagaan;
- (e) bahawa pemegang lesen telah mengambil kerja atau mengambil khidmat orang yang tidak layak sebagai orang yang bertanggungjawab, profesional jagaan kesihatan atau pemberi jagaan;
- (f) bahawa pemegang kelulusan, pemegang lesen atau pemegang lesen sementara telah dihukum bankrap; atau
- (g) bahawa pemegang lesen telah berhenti mengendalikan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta.

Tunjuk sebab

31. (1) Sebelum membatalkan kelulusan, lesen atau lesen sementara, Ketua Pengarah hendaklah mengeluarkan notis tunjuk sebab tentang niatnya untuk berbuat demikian dan menghendaki pemegang kelulusan, pemegang lesen atau pemegang lesen sementara untuk membuat suatu representasi dalam tempoh dua puluh satu hari, atau apa-apa tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah, dari tarikh notis diterima tentang kenapa kelulusan, lesen atau lesen sementara itu tidak boleh dibatalkan.

(2) Subseksyen (1) tidak terpakai jika alasan pembatalan adalah yang berhubungan dengan perenggan 30(b), (f) atau (g).

Pembatalan kelulusan, dsb.

32. (1) Selepas habis tempoh yang dinyatakan dalam notis tunjuk sebab bagi membuat representasi dan selepas menimbangkan apa-apa representasi oleh pemegang kelulusan atau pemegang lesen, Ketua Pengarah boleh—

- (a) membatalkan kelulusan, lesen atau lesen sementara itu; atau
- (b) mengeluarkan amaran atau memberikan apa-apa arahan kepada pemegang kelulusan, pemegang lesen atau pemegang lesen sementara, atau mengarahkan pemegang kelulusan, pemegang lesen atau pemegang lesen sementara, untuk membetulkan keadaan sehingga Ketua Pengarah berpuas hati.

(2) Berkenaan dengan kelulusan, lesen atau lesen sementara yang dibatalkan atas alasan di perenggan 30(b), (f) atau (g), adalah mencukupi bagi Ketua Pengarah untuk memaklumkan pemegang kelulusan, pemegang lesen atau pemegang lesen sementara itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, masing-masing tentang pembatalan kelulusan, lesen atau lesen sementara itu.

Penyerahan kelulusan, dsb.

33. Setelah kelulusan, lesen atau lesen sementara dibatalkan, pemegang kelulusan, pemegang lesen atau pemegang lesen sementara hendaklah menyerahkan kelulusan, lesen atau lesen sementara itu kepada Ketua Pengarah.

Pemberhentian pengendalian

34. Pemegang lesen hendaklah berhenti mengendalikan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta jika lesen yang berhubungan dengannya dibatalkan mulai tarikh pemegang lesen diberitahu tentang pembatalan itu, atau dalam apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

BAHAGIAN VII

PENUTUPAN KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN JAGAAN
KESIHATAN WARGA EMAS SWASTA

Penutupan sukarela

35. (1) Pemegang lesen yang berniat untuk menutup kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta berlesen hendaklah, tidak lebih daripada tiga bulan sebelum penutupan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta berlesen itu, menyampaikan notis kepada Ketua Pengarah, orang yang menerima jagaan, saudaranya, atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak orang yang menerima jagaan, tentang niat pemegang lesen untuk menutup kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta berlesen itu.

(2) Notis kepada Ketua Pengarah di bawah subseksyen (1) hendaklah termasuk yang berikut:

- (a) laporan penuh yang ditentukan oleh Ketua Pengarah; dan
- (b) suatu pelan tindakan mengenai penutupan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta berlesen, termasuklah, jika kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta berlesen menyediakan tempat tinggal, mengenai tempat tinggal orang yang menerima jagaan.

(3) Selepas menimbangkan notis di bawah subseksyen (1), Ketua Pengarah boleh memberikan apa-apa arahan yang berhubungan dengan penutupan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta berlesen itu, termasuklah berkaitan tempat tinggal dan jagaan orang yang menerima jagaan, dan rekod orang yang menerima jagaan.

(4) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1), memberikan notis yang tidak menepati subseksyen (2) atau melanggar apa-apa arahan di bawah subseksyen (3), melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh—

- (a) dalam hal seorang individu, didenda tidak melebihi lima belas ribu ringgit; dan

- (b) dalam hal suatu pertubuhan perbadanan, perkongsian atau pertubuhan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

Penutupan berikutan pembatalan lesen

36. (1) Pemegang lesen hendaklah, dalam tempoh yang ditentukan oleh Ketua Pengarah, selepas diberitahu tentang keputusan oleh Ketua Pengarah untuk membatalkan lesennya—

- (a) menyampaikan notis tentang pembatalan itu kepada orang yang menerima jagaan, saudaranya atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak orang yang menerima jagaan;
- (b) menyampaikan kepada Ketua Pengarah laporan penuh yang ditentukan oleh Ketua Pengarah; dan
- (c) menyampaikan kepada Ketua Pengarah suatu pelan tindakan mengenai penutupan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta berlesen, termasuklah, jika kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta berlesen menyediakan tempat tinggal, mengenai tempat tinggal orang yang menerima jagaan.

(2) Selepas menimbangkan laporan penuh di bawah perenggan (1)(b) dan pelan tindakan di bawah perenggan (1)(c), Ketua Pengarah boleh memberikan apa-apa arahan yang berhubungan dengan penutupan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta berlesen itu, termasuklah berkaitan tempat tinggal dan jagaan orang yang menerima jagaan, dan rekod orang yang menerima jagaan.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau apa-apa arahan di bawah subseksyen (2), melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh—

- (a) dalam hal seorang individu, didenda tidak melebihi tiga puluh ribu ringgit; dan
- (b) dalam hal suatu pertubuhan perbadanan, perkongsian atau pertubuhan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit.

Penutupan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta tidak berlesen

37. (1) Ketua Pengarah boleh mengarahkan mana-mana orang yang menyediakan atau mengendalikan apa-apa kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta yang melanggar seksyen 4, sama ada atau tidak pendakwaan telah dimulakan berkenaan dengan pelanggaran itu, untuk menutup kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta itu.

(2) Ketua Pengarah boleh memberikan apa-apa arahan yang difikirkan perlu oleh Ketua Pengarah yang berhubungan dengan penutupan itu.

(3) Apa-apa kos yang dilakukan yang berhubungan dengan penutupan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta tidak berlesen di bawah subseksyen (1) hendaklah ditanggung oleh orang yang menyediakan atau mengendalikan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan itu dan dianggap sebagai hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan.

BAHAGIAN VIII

PENGUATKUASAAN

Kuasa penguatkuasaan

38. Ketua Pengarah dan mana-mana Inspektor yang dilantik di bawah subseksyen 87(1) Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 hendaklah menjalankan kuasa penguatkuasaan di bawah Akta ini.

Kuasa penyiasatan

39. Ketua Pengarah dan mana-mana Inspektor hendaklah mempunyai segala kuasa yang perlu untuk menjalankan penyiasatan di bawah Akta ini mengikut Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*].

Pemeriksaan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta

40. Ketua Pengarah dan mana-mana Inspektor boleh memasuki dan memeriksa mana-mana kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta berlesen untuk memastikan bahawa kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta itu digunakan bagi maksud yang berkenaan dengannya lesen itu diberikan, dan syarat lesen itu, peruntukan Akta ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, dipatuhi.

Pemulaan dan penjalanan pendakwaan

41. (1) Tiada pendakwaan boleh dimulakan bagi mana-mana kesalahan di bawah Akta ini tanpa keizinan bertulis Pendakwa Raya.

(2) Mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pendakwa Raya boleh menjalankan pendakwaan bagi mana-mana kesalahan di bawah Akta ini.

BAHAGIAN IX**AM****Selain warga emas boleh diterima masuk**

42. Pemegang lesen boleh menerima masuk orang yang berumur di bawah enam puluh tahun sebagai orang yang menerima jagaan ke kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas berlesen dan penerimaan masuk itu hendaklah berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh Menteri selepas berunding dengan Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi Akta Pusat Jagaan 1993.

Daftar

43. (1) Ketua Pengarah hendaklah menyenggarakan suatu Daftar mengenai semua kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta berlesen dalam kedua-dua bentuk fizikal dan elektronik dalam bentuk dan mengikut cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Mana-mana orang boleh, apabila membayar fi yang ditetapkan, memeriksa dan membuat salinan atau cabutan butiran daripada Daftar.

Garis panduan dan arahan

44. Ketua Pengarah boleh mengeluarkan garis panduan dan arahan yang difikirkan perlu atau suai manfaat oleh Ketua Pengarah bagi pelaksanaan yang wajar Akta ini.

Pewakilan kuasa

45. (1) Ketua Pengarah boleh mewakilkan apa-apa kuasa atau kewajipan Ketua Pengarah, selain kuasa di bawah seksyen 44, kepada mana-mana pegawai di bawah kawalan, arahan dan penyeliaan Ketua Pengarah tertakluk kepada syarat, batasan atau sekatan yang difikirkan patut oleh Ketua Pengarah.

(2) Pewakilan di bawah seksyen ini tidak menghalang Ketua Pengarah sendiri daripada melaksanakan atau menjalankan pada bila-bila masa mana-mana kuasa atau kewajipan yang diwakilkan itu.

Rayuan

46. (1) Jika mana-mana orang terkilang dengan apa-apa arahan atau apa-apa keputusan yang dibuat oleh Ketua Pengarah atau mana-mana orang yang kepadanya kuasa atau kewajipan Ketua Pengarah telah diwakilkan, orang itu boleh merayu kepada Menteri, dalam tempoh tiga puluh hari atau apa-apa tempoh lanjut yang dibenarkan oleh Menteri dari tarikh arahan atau keputusan yang dirayu itu dibuat.

(2) Menteri boleh mengesahkan, mengakas atau mengubah apa-apa arahan atau keputusan yang dirayu itu.

(3) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan untuk menetapkan tatacara rayuan.

Kuasa untuk mengecualikan

47. Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengecualikan mana-mana kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta daripada pemakaian mana-mana peruntukan Akta ini.

Kuasa untuk meminda Jadual

48. Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda mana-mana Jadual bagi Akta ini.

Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan

49. (1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan yang perlu atau suai manfaat bagi pelaksanaan yang wajar Akta ini.

(2) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini boleh menetapkan apa-apa tindakan atau peninggalan dalam pelanggaran peraturan-peraturan menjadi suatu kesalahan dan boleh menetapkan denda:

- (a) dalam hal pemegang lesen yang merupakan seorang individu, tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan bagi kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan; dan
- (b) dalam hal pemegang lesen yang merupakan suatu pertubuhan perbadanan, perkongsian atau pertubuhan, tidak melebihi dua puluh ribu ringgit dan bagi kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ribu ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Penalti am

50. (1) Seseorang yang melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau apa-apa peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini yang baginya tiada diperuntukkan peruntukan yang nyata yang menjadikan pelanggarannya suatu kesalahan melakukan suatu kesalahan.

(2) Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Akta ini atau apa-apa peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini yang baginya tiada diperuntukkan hukuman yang nyata hendaklah, apabila disabitkan, boleh—

(a) dalam hal seorang individu—

(i) didenda tidak melebihi lima ribu ringgit; dan

(ii) bagi kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan; dan

(b) dalam hal suatu pertubuhan perbadanan, perkongsian atau pertubuhan—

(i) didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit; dan

(ii) bagi kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu lima ratus ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan, perkongsian atau pertubuhan

51. (1) Sekiranya sesuatu pertubuhan perbadanan, perkongsian atau pertubuhan melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau apa-apa peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, seseorang yang pada masa perlakuan kesalahan itu ialah seorang pengarah, ketua pegawai eksekutif, ketua pegawai operasi, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya dalam pertubuhan perbadanan, perkongsian atau pertubuhan itu atau yang berpuja bertindak atas mana-mana sifat sedemikian atau yang dengan apa-apa cara atau pada apa-apa takat bertanggungjawab bagi pengurusan apa-apa hal ehwal pertubuhan perbadanan, perkongsian atau pertubuhan itu atau yang membantu dalam pengurusan sedemikian—

(a) boleh dituduh secara berasingan atau bersesama dalam prosiding yang sama bersekali dengan pertubuhan perbadanan, perkongsian atau pertubuhan itu; dan

(b) sekiranya pertubuhan perbadanan, perkongsian atau pertubuhan itu didapati bersalah melakukan kesalahan itu, hendaklah disifatkan bersalah atas kesalahan itu melainkan jika, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan segala hal keadaan, dia membuktikan—

(i) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya, persetujuannya atau pembiarannya; dan

(ii) bahawa dia telah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah dan telah menjalankan segala usaha yang wajar untuk mengelakkan perlakuan kesalahan itu.

(2) Bilamana mana-mana ejen atau pekerja semasa menjalankan pekerjaannya melakukan atau meninggalkan sesuatu perbuatan yang dilakukan atau ditinggalkan oleh prinsipal atau majikannya akan menjadi suatu kesalahan terhadap Akta ini atau apa-apa peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, ejen atau pekerja itu hendaklah bersalah melakukan kesalahan, dan subseksyen (3) hendaklah terpakai bagi prinsipal atau majikannya.

(3) Sekiranya mana-mana orang yang akan bertanggung di bawah Akta ini atau apa-apa peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini kepada apa-apa hukuman atau penalti untuk apa-apa tindakan, peninggalan, kecuaiian atau keingkaran, dia hendaklah bertanggung kepada hukuman atau penalti yang sama untuk setiap tindakan, peninggalan, kecuaiian atau keingkaran mana-mana pekerja atau ejennya, atau pekerja ejen itu, sekiranya tindakan, peninggalan, kecuaiian atau keingkaran itu telah dilakukan—

(a) oleh pekerjanya dalam menjalankan pekerjaannya;

(b) oleh ejen yang bertindak bagi pihak orang itu; atau

(c) oleh pekerja ejen itu dalam menjalankan pekerjaan yang baginya dia diambil kerja oleh ejen itu atau sebaliknya bagi pihak ejen yang bertindak bagi pihak orang itu.

Pengkompaunan kesalahan

52. (1) Menteri boleh, dengan kelulusan Pendakwa Raya, membuat peraturan-peraturan untuk menetapkan—

- (a) mana-mana kesalahan di bawah Akta ini dan apa-apa peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta yang boleh dikompaun;
- (b) kriteria bagi mengkompaun kesalahan; dan
- (c) kaedah dan tatacara bagi mengkompaun kesalahan.

(2) Ketua Pengarah boleh, dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya, mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Akta ini atau apa-apa peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini dan ditetapkan sebagai suatu kesalahan boleh dikompaun dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaun kesalahan itu apabila dibayar kepada Ketua Pengarah suatu jumlah wang yang tidak melebihi lima puluh peratus amaun denda maksimum bagi kesalahan itu dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran bertulisnya.

(3) Suatu tawaran di bawah subseksyen (2) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan.

(4) Sekiranya amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa masa lanjutan yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(5) Sekiranya suatu kesalahan telah dikompaun di bawah seksyen ini, tiada pendakwaan boleh dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu dibuat, dan mana-mana dokumen atau benda yang disita berkaitan kesalahan itu boleh dilepaskan oleh Ketua Pengarah, tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan patut oleh Ketua Pengarah.

Kecualian dan peralihan

53. (1) Pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, pusat jagaan yang berdaftar di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 yang menyediakan jagaan kepada empat warga emas atau lebih hendaklah disifatkan telah dilesenkan di bawah Akta ini sehingga lima tahun dari tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini atau apa-apa tempoh selanjutnya yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah.

(2) Pengendali pusat jagaan di bawah subseksyen (1) hendaklah memohon kelulusan dan lesen di bawah Akta ini dalam tempoh lima tahun, atau tempoh selanjutnya yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah mengikut subseksyen (1).

(3) Sementara keputusan untuk memberikan kelulusan dan lesen kepada pusat jagaan di bawah subseksyen (2) dibuat, pusat jagaan itu hendaklah terus disifatkan telah dilesenkan di bawah Akta ini.

(4) Apa-apa keputusan, perintah, rayuan, arahan, siasatan, perbicaraan dan prosiding yang telah dibuat, diambil atau dimulakan di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 berhubung dengan pusat jagaan di bawah subseksyen (1) sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah diteruskan atau dimuktamadkan di bawah dan mengikut peruntukan Akta Pusat Jagaan 1993.

JADUAL PERTAMA

[Seksyen 2 dan 48]

PERKHIDMATAN JAGAAN KESIHATAN

1. Perkhidmatan oleh profesional jagaan kesihatan dan separa profesional jagaan kesihatan
2. Perkhidmatan untuk penyaringan, diagnosis, atau rawatan orang yang menghidap, atau dipercayai menghidap, apa-apa penyakit, kecederaan atau kehilangan upaya minda atau badan
3. Perkhidmatan untuk mengubati atau mengurangkan apa-apa keadaan tidak normal tubuh manusia dengan penggunaan apa-apa perkakas, kelengkapan, alat atau peranti, atau apa-apa teknologi perubatan lain
4. Perkhidmatan bagi maksud pencegahan atau penggalakan kesihatan
5. Perkhidmatan perlindungan, pengawasan dan pemulihan
6. Penginapan bagi maksud apa-apa perkhidmatan jagaan kesihatan

JADUAL KEDUA

[Seksyen 2 dan 48]

PROFESIONAL JAGAAN KESIHATAN

1. Pengamal perubatan yang berdaftar di bawah Akta Perubatan 1971 [Akta 50]
2. Pengamal pergigian yang berdaftar di bawah Akta Pergigian 1971 [Akta 51]
3. Optometris yang berdaftar di bawah Akta Optik 1991 [Akta 469]
4. Ahli farmasi yang berdaftar di bawah Akta Pendaftaran Farmasi 1951 [Akta 371]
5. Pengamal kesihatan bersekutu yang berdaftar di bawah Akta Profesion Kesihatan Bersekutu 2016 [Akta 774]
6. Jururawat yang berdaftar di bawah Akta Jururawat 1950 [Akta 14]
7. Pembantu perubatan yang berdaftar di bawah Akta Pembantu Perubatan (Pendaftaran) 1977 [Akta 180]

HURAIAN

Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 2017 yang dicadangkan (“Akta yang dicadangkan”) bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pengawalseliaan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta dan perkara berkaitan.

BAHAGIAN I

2. Bahagian I memperkatakan perkara permulaan.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas Akta yang dicadangkan dan peruntukan mengenai tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

Fasal 2 mengandungi takrif perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam Akta yang dicadangkan.

Fasal 3 mengandungi peruntukan mengenai ketidakpakaian Akta yang dicadangkan.

BAHAGIAN II

3. Bahagian II bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kelulusan untuk menyediakan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta dan lesen untuk mengendalikan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta.

Fasal 4 bertujuan untuk memberikan Ketua Pengarah Kesihatan kuasa untuk memberikan kelulusan untuk menyediakan dan lesen untuk mengendalikan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta.

Fasal 5 bertujuan untuk menyatakan premis yang di dalamnya kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta boleh disediakan dan dikendalikan.

BAHAGIAN III

4. Bahagian III memperkatakan perkara yang berhubungan dengan permohonan kelulusan untuk menyediakan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta.

Fasal 6 mengandungi peruntukan mengenai tatacara bagi permohonan kelulusan.

Fasal 7 menyatakan alasan yang berdasarkannya Ketua Pengarah Kesihatan boleh menolak untuk memproses permohonan kelulusan.

Fasal 8 memperkatakan perkara untuk dipertimbangkan sebelum kelulusan diberikan.

Fasal 9 mengadakan peruntukan bagi pemberian kelulusan.

Fasal 10 memperkatakan pemindahan atau penyerahan hak kelulusan.

BAHAGIAN IV

5. Bahagian IV memperkatakan perkara yang berhubungan dengan permohonan lesen untuk mengendalikan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta.

Fasal 11 mengandungi peruntukan mengenai tatacara permohonan lesen.

Fasal 12 menyatakan alasan yang berdasarkannya Ketua Pengarah Kesihatan boleh menolak untuk memproses permohonan lesen.

Fasal 13 mengadakan peruntukan bagi pemeriksaan premis sebelum pemberian lesen.

Fasal 14 mengadakan peruntukan bagi pemberian lesen.

Fasal 15 memperkatakan lesen sementara yang diberikan untuk membolehkan kerja-kerja pembetulan dijalankan.

Fasal 16 membenarkan Ketua Pengarah Kesihatan untuk menimbang semula permohonan lesen oleh pemegang lesen sementara berdasarkan laporan pemeriksaan yang dijalankan menurut *fasal 13*.

Fasal 17 memperuntukkan bahawa kesahan lesen hendaklah bagi tempoh tiga tahun.

Suatu lesen boleh dibaharui di bawah *fasal 18*.

Fasal 19 memperkatakan pemindahan atau penyerahan hak lesen.

BAHAGIAN V

6. Bahagian V menyatakan kewajipan pemegang lesen dan orang yang bertanggungjawab.

Fasal 20 dan *23* menyatakan kewajipan pemegang lesen dan orang yang bertanggungjawab masing-masing. Orang yang bertanggungjawab dilantik oleh pemegang lesen untuk menguruskan suatu kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta.

Fasal 21 memperkatakan pernyataan dasar sementara *fasal 22* memperkatakan pelan dan tatacara mekanisme ketidakpuasan hati bagi suatu kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta.

Fasal 24 menghendaki pemegang lesen untuk memberitahu Ketua Pengarah Kesihatan tentang apa-apa pertukaran orang yang bertanggungjawab.

Di bawah *fasal 25* pemegang lesen atau orang yang bertanggungjawab hendaklah melaporkan kepada Ketua Pengarah Kesihatan apa-apa kejadian yang tidak dapat diramalkan atau yang tidak dijangka sementara di bawah *fasal 27* pemegang lesen atau orang yang bertanggungjawab hendaklah memberitahu kematian mana-mana orang yang menerima jagaan kepada orang yang boleh dihubungi semasa kecemasan bagi si mati.

Fasal 26 memperkatakan persediaan bagi menghadapi situasi kecemasan di suatu kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta berlesen.

Fasal 28 menyatakan sekatan penggunaan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta berlesen.

Fasal 29 memperkatakan larangan mengenai pembesaran atau perubahan struktur atau fungsian mana-mana premis kemudahan atau perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta berlesen.

BAHAGIAN VI

7. Bahagian VI memperkatakan pembatalan kelulusan, lesen atau lesen sementara. Alasan bagi pembatalan dinyatakan dalam *fasal 30*. Tatacara bagi pembatalan dinyatakan dalam *fasal 31* dan *32*. Setelah pembatalan, kelulusan, lesen atau lesen sementara yang telah dibatalkan hendaklah diserahkan kepada Ketua Pengarah Kesihatan di bawah *fasal 33*. *Fasal 34* memperkatakan pemberhentian pengendalian kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta yang lesennya telah dibatalkan.

BAHAGIAN VII

8. Bahagian VII memperkatakan penutupan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta.

Fasal 35 bertujuan untuk mengawal selia penutupan sukarela suatu kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta berlesen oleh pemegang lesennya.

Fasal 36 bertujuan untuk mengawal selia penutupan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta berlesen berikutan pembatalan lesen yang berhubungan dengan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta itu.

Fasal 37 bertujuan untuk memberikan Ketua Pengarah Kesihatan kuasa untuk mengarahkan mana-mana orang yang melanggar *fasal 4* untuk menutup kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta yang tidak berlesen.

BAHAGIAN VIII

9. Bahagian VIII memperkatakan kuasa penguatkuasaan.

Fasal 38 memberikan kuasa penguatkuasaan di bawah Akta yang dicadangkan kepada Ketua Pengarah Kesihatan dan mana-mana Inspektor yang dilantik di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [*Akta 586*] termasuklah kuasa untuk menjalankan penyiasatan dan pemeriksaan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta yang dinyatakan dalam *fasal 39* dan *40*.

Fasal 41 memperuntukkan bahawa pendakwaan bagi suatu kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan hendaklah dimulakan hanya dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

BAHAGIAN IX

10. Bahagian IX memperkatakan peruntukan am.

Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan 37
Warga Emas Swasta

Fasal 42 membenarkan pemegang lesen untuk menerima masuk selain warga emas sebagai orang yang menerima jagaan di kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta pemegang lesen itu.

Fasal 43 menghendaki Ketua Pengarah Kesihatan untuk menyenggara suatu Daftar bagi kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta berlesen.

Fasal 44 memberi Ketua Pengarah Kesihatan kuasa untuk mengeluarkan garis panduan dan arahan yang perlu atau suai manfaat bagi maksud melaksanakan peruntukan Akta yang dicadangkan.

Fasal 45 mengadakan peruntukan bagi perwakilan kuasa Ketua Pengarah Kesihatan kepada mana-mana pegawai di bawah kawalan, arahan dan penyeliaan Ketua Pengarah Kesihatan.

Fasal 46 mengadakan peruntukan bagi rayuan kepada Menteri oleh orang yang terkilan.

Fasal 47 memberi Menteri kuasa untuk mengecualikan mana-mana kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta daripada pemakaian mana-mana peruntukan Akta yang dicadangkan.

Kuasa Menteri untuk meminda Jadual diperuntukkan dalam *fasal 48*.

Menteri diberikan kuasa untuk membuat peraturan-peraturan bagi pelaksanaan yang wajar Akta yang dicadangkan dalam *fasal 49*.

Fasal 50 mengadakan peruntukan bagi penalti am.

Fasal 51 mengadakan peruntukan bagi kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan, perkongsian atau pertubuhan.

Fasal 52 mengadakan peruntukan bagi pengkompaunan kesalahan.

Fasal 53 mengadakan peruntukan bagi kecualian dan peralihan.

Jadual Pertama menyenaraikan perkhidmatan jagaan kesihatan.

Jadual Kedua menyenaraikan profesional jagaan kesihatan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U2)2970]